Idealogy Journal Vol. 11 No. 2, 2026, pp 511-521
DOI: https://doi.org/10.24191/idealogy.v11i2.967
Section: Original Article

Internalization of Islamic Values in The Rukun Negara Towards Strengthening Ethnic Unity in Malaysia

Penghayatan Nilai Islam dalam Rukun Negara ke Arah Memperkukuh Perpaduan Kaum di Malaysia

***Mohd Farhan Abd Rahman[1], Muhd Imran Abd Razak[2], Atiratun Nabilah Jamil[3], Fathiah Fathil[4], Nurul Hidayah Aziz[5]**

[1,2,3,4]Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA Cawangan Perak, Kampus Seri Iskandar, 32610 Seri Iskandar, Perak, Malaysia

[5]Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA Cawangan Perak, Kampus Tapah, 35400 Tapah Road, Perak, Malaysia

*farhan84@uitm.edu.my[1], imranrazak@uitm.edu.my[2], atiratun1774@uitm.edu.my[3], fathi397@uitm.edu.my[4], nurul863@uitm.edu.my[5]

***Corresponding author**

Received: 18 June 2026; Accepted: 2 July 2026; Published: 1 September 2026

ABSTRACT

Ethnic unity is the fundamental basis of Malaysia's stability and development as a nation-state characterised by ethnic, religious, and cultural diversity. The Rukun Negara, proclaimed in 1970 following the May 13, 1969, incident, was formulated as a national philosophy to foster unity, build a national identity, and ensure the nation's sustainability. Its principles comprise Belief in God, Loyalty to the King and Country, Supremacy of the Constitution, the Rule of Law, and Courtesy and Morality. At the same time, the position of Islam as the religion of the Federation (Article 3 of the Federal Constitution) provides a foundation for universal values that can contribute to social cohesion within a plural society. Islamic values such as tawhid (the oneness of God), justice (‘adl), brotherhood (ukhuwah), tolerance (tasāmuḥ), and cooperation (ta‘āwun) are universal in nature and can be embraced by people of all ethnic and religious backgrounds. This study employs a qualitative approach using content analysis of official documents, the Federal Constitution, the Rukun Negara text, and academic literature. The findings reveal a strong integration between the two, thereby establishing a framework of shared values that can strengthen social harmony. Nevertheless, several challenges in its implementation towards fostering societal unity, including the misinterpretation of the position of Islam, ethnic polarisation, political manipulation, and the low level of appreciation and internalisation among members of society. Therefore, this study proposes integrated values education, interfaith dialogue, inclusive government policies, and ethical media engagement as strategies to further strengthen this integration. Overall, this article emphasises that Islam, as the religion of the Federation, is not an obstacle but rather a source of universal values that are consistent with the Rukun Negara in fostering ethnic unity in Malaysia.

Keywords: *Islam; Rukun Negara; Ethnic Unity; National Ideology; Malaysia*

ABSTRAK

Perpaduan kaum merupakan asas utama kestabilan dan pembangunan Malaysia sebagai sebuah negara bangsa yang berbilang kaum, agama, dan budaya. Rukun Negara yang diisytiharkan pada tahun 1970 selepas peristiwa 13 Mei 1969 telah dirangka sebagai falsafah kebangsaan untuk memupuk perpaduan, membina identiti nasional, dan menjamin kelangsungan negara. Prinsip-prinsipnya merangkumi Kepercayaan kepada Tuhan, Kesetiaan kepada Raja dan Negara, Keluhuran Perlembagaan, Kedaulatan Undang-undang, serta Kesopanan dan Kesusilaan. Pada masa yang sama, kedudukan Islam sebagai agama Persekutuan (Perkara 3, Perlembagaan Persekutuan) memberi asas kepada nilai sejagat yang

mampu menyumbang kepada perpaduan masyarakat majmuk. Nilai-nilai Islam seperti tauhid, keadilan (‘adl), ukhuwah (persaudaraan), tasāmuḥ (toleransi), dan ta‘awun (kerjasama) bersifat universal dan boleh diterima oleh semua kaum serta agama. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan kaedah analisis kandungan terhadap dokumen rasmi seperti Perlembagaan Persekutuan, teks Rukun Negara, dan kajian-kajian akademik. Dapatan kajian menunjukkan wujud integrasi yang kukuh antara nilai-nilai Islam dan Rukun Negara, sekali gus mewujudkan kerangka nilai bersama (shared values) yang dapat memperkukuh keharmonian sosial. Namun, beberapa cabaran dalam penghayatannya ke arah perpaduan masyarakat termasuk salah tafsir terhadap kedudukan Islam, polarisasi kaum, manipulasi politik, serta tahap penghayatan yang rendah. Oleh itu, kajian ini mencadangkan pendidikan nilai bersepadu, dialog antara agama, dasar kerajaan inklusif, dan peranan media beretika sebagai strategi ke arah pengukuhan integrasi ini. Secara keseluruhannya, artikel ini menegaskan bahawa Islam sebagai agama Persekutuan bukanlah halangan, tetapi menjadi sumber nilai sejagat yang selari dengan Rukun Negara untuk membina perpaduan kaum di Malaysia.

Kata Kunci: Islam; Rukun Negara; Perpaduan Kaum; Ideologi Kebangsaan; Malaysia

ISSN: 2550-214X © 2026. Published for Idealogy Journal by UiTM Press. This is an Open Access article distributed under the terms of the Creative Commons Attribution-No Commercial-No Derivatives License (http://creativecommons.org/licenses/by-nc -nd/4.0/), which permits non-commercial re-use, distribution, and reproduction in any medium, provided the original work is properly cited, and is not altered, transformed, or built upon in any way.

1 PENGENALAN

Malaysia ialah sebuah negara berbilang kaum yang dihuni oleh masyarakat Melayu, Cina, India, dan pelbagai etnik minoriti seperti kaum Bumiputera di Sabah dan Sarawak. Keunikan komposisi masyarakat ini menjadikan isu perpaduan sebagai agenda teras dalam pembinaan negara bangsa. Sejak merdeka, pelbagai dasar dan falsafah kebangsaan diperkenalkan, antaranya Rukun Negara yang dilancarkan pada tahun 1970 sebagai respons terhadap tragedi rusuhan kaum 13 Mei 1969. Rukun Negara dirangka sebagai ideologi nasional dengan matlamat utama membentuk perpaduan rakyat, membina identiti kebangsaan, dan memastikan kestabilan negara (Shamsul Amri, 2010).

Rukun Negara mengandungi lima prinsip penting, iaitu Kepercayaan kepada Tuhan, Kesetiaan kepada Raja dan Negara, Keluhuran Perlembagaan, Kedaulatan Undang-undang, dan Kesopanan dan Kesusilaan. Lima prinsip ini merupakan nilai asas yang dirumus untuk menjadi pegangan rakyat Malaysia tanpa mengira latar belakang kaum dan agama (Mohamad et al., 2021). Prinsip ini tidak sekadar berbentuk retorik, tetapi dimaksudkan sebagai panduan hidup berbangsa dan bernegara. Namun, tahap penghayatan prinsip-prinsip tersebut dalam kalangan masyarakat sering dipersoalkan, terutamanya dalam kalangan generasi muda.

Kajian ini bertujuan meneliti penghayatan nilai Islam dalam Rukun Negara ke arah memperkukuh perpaduan kaum di Malaysia. Secara khusus, objektif kajian adalah untuk mengenal pasti kesepadanan antara nilai Islam dengan lima prinsip Rukun Negara, menjelaskan peranan integrasi nilai Islam dalam membentuk perpaduan kaum, menerangkan cabaran penghayatan nilai Islam dalam Rukun Negara, dan mengemukakan cadangan bagi memperkukuh penghayatan nilai Islam dalam Rukun Negara.

Sehubungan itu, artikel ini akan dimulakan dengan sorotan literatur mengenai kajian terdahulu berkaitan Rukun Negara, nilai Islam, dan isu perpaduan kaum. Seterusnya, metodologi kajian akan dihuraikan sebelum analisis dan perbincangan dijalankan. Akhir sekali, artikel ini akan mengemukakan cabaran serta cadangan, diikuti kesimpulan yang menegaskan peranan integrasi nilai Islam dalam memperkukuh perpaduan kaum di Malaysia.

2 SOROTAN LITERATUR

Sorotan literatur bertujuan menghuraikan kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan isu perpaduan kaum di Malaysia, kedudukan Rukun Negara sebagai falsafah kebangsaan, serta peranan nilai Islam dalam mengukuhkan keharmonian sosial. Tinjauan ini juga menilai jurang penyelidikan bagi meletakkan asas kepada kajian ini. Beberapa tema utama dikenal pasti iaitu perpaduan kaum dalam konteks Malaysia, peranan Rukun Negara sebagai ideologi kebangsaan, nilai Islam dan sifat universalnya, integrasi nilai agama dalam dasar nasional, serta jurang kajian terdahulu.

2.1 Perpaduan Kaum dalam Konteks Malaysia

Perpaduan kaum merupakan isu yang paling signifikan dalam sejarah politik dan sosial Malaysia. Realiti kemajmukan etnik Malaysia memperlihatkan cabaran besar dari sudut integrasi sosial, pendidikan, politik, dan ekonomi. Menurut Shamsul Amri (2010), isu perpaduan di Malaysia sering didefinisikan dalam kerangka hubungan etnik yang kompleks, dipengaruhi oleh faktor sejarah kolonial, sistem ekonomi dualisme, dan perbezaan budaya. Keadaan ini menyebabkan proses membina *nation-state* di Malaysia lebih sukar berbanding negara homogen.

Kajian Ismail et al. (2016) pula menegaskan bahawa perpaduan kaum perlu dilihat bukan sekadar dari segi toleransi pasif, tetapi juga melalui penghayatan nilai bersama yang membolehkan masyarakat saling menghormati dan bekerjasama. Dalam konteks ini, pengukuhan nilai sejagat seperti keadilan, amanah, dan hormat-menghormati dilihat penting untuk membina keharmonian jangka panjang.

Selain itu, terdapat pandangan bahawa sistem pendidikan berasingan dan polarisasi politik berasaskan kaum menjadi penghalang utama kepada usaha perpaduan (Abdullah, 2010). Media sosial turut dikenal pasti sebagai ruang yang boleh menguatkan stereotaip negatif serta sentimen perkauman jika tidak dikawal dengan baik (Abd Bakar et al., 2025). Walau bagaimanapun, kajian Ismail et al. (2016) menunjukkan bahawa generasi muda lebih terbuka untuk menerima kepelbagaian dan cenderung mengutamakan nilai sejagat berbanding identiti etnik yang sempit.

2.2 Rukun Negara sebagai Ideologi Kebangsaan

Rukun Negara yang diisytiharkan pada 1970 bertujuan memulihkan perpaduan pasca 13 Mei 1969. Lima prinsip utamanya dirumus untuk menjadi panduan moral, etika, dan politik rakyat Malaysia. Menurut Mohamad et al. (2021), Rukun Negara berfungsi sebagai ideologi negara yang dapat menyatupadukan rakyat dengan memberi asas kepada identiti nasional.

Kajian oleh Hamid et al. (2021) menyatakan bahawa Rukun Negara perlu dilihat bukan hanya sebagai dokumen rasmi, tetapi sebagai sistem nilai yang boleh diaplikasikan dalam semua aspek kehidupan. Namun, tahap penghayatan Rukun Negara masih rendah, khususnya dalam kalangan generasi muda. Kajian empirik oleh Muslim et al. (2023) mendapati ramai golongan muda hanya menghafal teks Rukun Negara tanpa benar-benar memahami atau mengamalkan prinsipnya.

Walaupun begitu, terdapat kesepadanan yang jelas antara prinsip Rukun Negara dengan nilai sejagat yang terdapat dalam agama-agama utama di Malaysia, terutamanya Islam. Misalnya, prinsip *Kepercayaan kepada Tuhan* bersifat inklusif dan mampu diterima oleh semua agama (Shamsul Amri, 2010). Prinsip *Kesetiaan kepada Raja dan Negara* pula menegaskan keutuhan sistem Raja Berperlembagaan yang selaras dengan konsep kepemimpinan dalam Islam.

2.3 Nilai Islam dan Sifat Universalnya

Islam sebagai agama Persekutuan mempunyai kedudukan istimewa dalam sistem kenegaraan Malaysia. Walaupun demikian, Perkara 3 Perlembagaan Persekutuan menegaskan bahawa agama lain bebas diamalkan dengan aman (Abdul Aziz, 2005). Hal ini menimbulkan perbincangan tentang

bagaimana nilai Islam boleh diintegrasikan dalam kerangka nasional tanpa menjejaskan keharmonian antara agama.

Nilai Islam bersifat sejagat, termasuk konsep keadilan *(‘adl)*, ukhuwah (persaudaraan), toleransi (*tasāmuḥ)*, kerjasama (*ta‘awun)*, dan *rahmatan li al-‘alamin* (rahmat bagi seluruh alam). Menurut Rohana et al. (2023), nilai-nilai ini boleh dijadikan asas kepada hubungan etnik yang harmoni kerana ia tidak hanya terbatas kepada Muslim, tetapi meliputi semua manusia.

Abdullah (2010) pula menegaskan bahawa salah faham terhadap kedudukan Islam sering berpunca daripada kekeliruan politik, bukannya daripada ajaran Islam itu sendiri. Islam menekankan prinsip keadilan dan kesaksamaan sosial, yang bertepatan dengan kehendak masyarakat majmuk. Justeru, integrasi nilai Islam dalam ideologi kebangsaan dilihat mampu memperkukuh perpaduan dengan syarat ia disampaikan dalam kerangka inklusif.

2.4 Integrasi Nilai Agama dalam Dasar Nasional

Kajian-kajian lepas menunjukkan bahawa nilai agama sering digunakan dalam pembinaan dasar nasional di Malaysia. Misalnya, Dasar Pendidikan Kebangsaan menekankan pendidikan moral dan agama sebagai teras pembinaan sahsiah pelajar (Ismail, 2015). Begitu juga, gagasan *1Malaysia* yang diperkenalkan pada 2009 banyak menggunakan nilai sejagat seperti hormat-menghormati dan kerjasama.

Dalam konteks antarabangsa, integrasi nilai agama ke dalam dasar negara bukan sesuatu yang baharu. Misalnya, di Indonesia, falsafah *Pancasila* berperanan sebagai asas moral negara, yang turut menekankan kepercayaan kepada Tuhan, kemanusiaan, demokrasi, dan keadilan sosial (Irawan & Arif, 2024). Persamaan ini menunjukkan bahawa Malaysia juga boleh mengintegrasikan nilai Islam ke dalam Rukun Negara tanpa menjejaskan kepelbagaian budaya.

Namun, perlu diperhatikan bahawa integrasi ini tidak seharusnya dilihat sebagai usaha mengislamisasikan dasar negara secara eksklusif. Sebaliknya, ia harus difahami sebagai usaha menonjolkan nilai sejagat yang terkandung dalam Islam untuk dikongsi bersama rakyat pelbagai agama (Rohana et al., 2023).

2.5 Jurang Kajian Terdahulu

Walaupun kajian terdahulu telah membincangkan Rukun Negara daripada pelbagai perspektif, seperti aspek sejarah dan pembentukannya (Shamsul Amri, 2010), fungsi Rukun Negara sebagai medium keharmonian (Mohamad et al., 2021), serta tahap penghayatan masyarakat terhadap isu-isu sensitif (Ismail et al., 2016; Abdullah, 2010), masih terdapat keterbatasan dalam kajian yang menghubungkan nilai Islam, Rukun Negara dan perpaduan kaum secara bersepadu, khususnya dari sudut penghayatan serta implikasinya. Kajian ini berusaha mengisi jurang tersebut dengan menghubungkan aspek-aspek berkenaan dalam satu kerangka analisis yang bersepadu.

Kerangka penghayatan nilai Islam dalam Rukun Negara yang dicadangkan menyumbang kepada kajian sedia ada dengan memperluas perbincangan Rukun Negara daripada aspek sejarah, penghayatan dan keharmonian sosial kepada pendekatan berasaskan nilai Islam dalam memperkukuh perpaduan kaum. Pendekatan ini menekankan penerapan nilai seperti keadilan (*‘adl*), kesederhanaan (*wasatiyyah*), toleransi (*tasamuh*), persaudaraan (*ukhuwah*) dan kerjasama (*ta‘awun*) dalam penghayatan prinsip Rukun Negara. Dari sudut akademik, kerangka ini memperkaya wacana tentang hubungan Islam, Rukun Negara dan perpaduan, manakala dari sudut praktikal, ia dapat menjadi asas kepada kerajaan, institusi pendidikan dan masyarakat dalam memperkukuh penghayatan Rukun Negara serta keharmonian masyarakat Malaysia.

3 METODOLOGI KAJIAN

Metodologi kajian merupakan aspek penting dalam memastikan ketelitian, kesahihan dan kebolehpercayaan sesuatu penyelidikan. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan mengaplikasikan kaedah analisis kandungan dan analisis tematik. Pendekatan ini dipilih kerana tujuan kajian ini adalah untuk meneliti penghayatan nilai Islam dalam prinsip Rukun Negara ke arah memperkukuh perpaduan kaum di Malaysia. Pendekatan kualitatif sesuai digunakan untuk memahami sesuatu fenomena sosial secara mendalam, khususnya dalam meneliti makna, nilai dan konsep yang terkandung dalam teks serta dokumen (Creswell & Poth, 2016; Bowen, 2009).

Sumber data kajian terdiri daripada dokumen rasmi dan penulisan akademik. Dokumen rasmi meliputi teks Rukun Negara dan Perlembagaan Persekutuan, khususnya peruntukan yang berkaitan dengan kedudukan Islam dan kehidupan masyarakat, seperti Perkara 3, Perkara 11 dan Perkara 153. Penulisan akademik pula merangkumi artikel jurnal dan buku ilmiah yang berkaitan dengan Rukun Negara, nilai Islam, perpaduan kaum dan integrasi sosial di Malaysia. Pemilihan sumber-sumber ini bertujuan memastikan analisis mengambil kira pelbagai perspektif, termasuk aspek perundangan, sejarah, politik, pendidikan dan sosial. Sumber yang dipilih juga digunakan bagi membina pemahaman yang menyeluruh tentang hubungan antara nilai Islam, prinsip Rukun Negara dan pembentukan perpaduan dalam masyarakat majmuk Malaysia.

Pemilihan metodologi kualitatif melalui analisis dokumen dan analisis tematik adalah bersesuaian dengan sifat kajian yang menekankan aspek konseptual, normatif dan interpretatif (Braun & Clarke, 2006; Tisdell et al., 2025). Analisis teks membolehkan pengkaji meneliti kandungan normatif yang terkandung dalam Rukun Negara dan Perlembagaan Persekutuan, di samping menghubungkannya dengan nilai-nilai Islam serta dapatan kajian terdahulu. Pada masa yang sama, pendekatan ini memberikan ruang untuk memahami konteks sejarah, politik dan sosial yang melatari pembentukan Rukun Negara serta kedudukan Islam dalam kerangka kenegaraan Malaysia. Oleh itu, metodologi yang digunakan bukan sahaja menghasilkan analisis yang bersifat deskriptif, tetapi turut membolehkan penelitian secara interpretatif terhadap hubungan antara nilai Islam, Rukun Negara dan realiti perpaduan kaum di Malaysia.

4 ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Analisis kandungan terhadap dokumen rasmi Rukun Negara dan nilai-nilai Islam telah menghasilkan beberapa tema utama. Tema ini dibina dengan menghubungkan lima prinsip Rukun Negara dengan nilai universal Islam yang dapat menyokong perpaduan kaum.

Jadual 1 Analisis Tematik Prinsip Rukun Negara dan Nilai-nilai Islam

Prinsip Rukun Negara	Nilai Islam yang Relevan	Kesan Terhadap Perpaduan Kaum
Kepercayaan kepada Tuhan	*Tauhid, hormat kepada agama lain, prinsip keadilan Ilahi* (al-Qur'an, Surah al-Kafirun: 6)	Mendorong masyarakat hidup harmoni walaupun berbeza kepercayaan (Mohamad & Mohamad, 2025).
Kesetiaan kepada Raja & Negara	*Wala' (kesetiaan kepada pemimpin selagi adil), syura (musyawarah)*	Membina identiti nasional bersama dan mengekang ekstremisme politik (Rohana et al., 2023).
Keluhuran Perlembagaan	*Keadilan, maqasid syariah, ketaatan pada peraturan yang melindungi hak semua kaum*	Menjamin keadilan sosial dan kesamarataan (Mohamad et al., 2021).
Kedaulatan Undang-undang	*Amanah, ihsan, larangan zalim (Surah an-Nahl: 90)*	Mengukuhkan kepercayaan rakyat terhadap sistem keadilan tanpa mengira kaum (Hamid et al., 2021)

Prinsip Rukun Negara	Nilai Islam yang Relevan	Kesan Terhadap Perpaduan Kaum
Kesopanan dan Kesusilaan	*Akhlaq Islam, adab, tasāmuḥ (toleransi), ta'awun (kerjasama)*	Menggalakkan hubungan sosial harmoni dalam kepelbagaian budaya (Ismail et al., 2016).

Kerangka ini menjadi asas dalam perbincangan berikutnya dengan menunjukkan bahawa prinsip Rukun Negara dan nilai Islam tidak bersifat terpisah, tetapi berintegrasi dan saling melengkapi dalam membina perpaduan nasional. Justeru, kesepadanan integrasi tersebut dilihat signifikan dalam memperkukuh perpaduan kaum di Malaysia. Ia dapat dijelaskankan lebih lanjut seperti berikut:

4.1 Kepercayaan kepada Tuhan dan Konsep Tauhid dalam Islam

Prinsip pertama Rukun Negara menekankan kepercayaan kepada Tuhan sebagai asas moral dan spiritual masyarakat Malaysia. Prinsip ini bersifat inklusif kerana ia mengiktiraf kepercayaan pelbagai agama yang dianuti oleh rakyat. Dalam konteks Islam, konsep tauhid merupakan asas keimanan yang menegaskan pengabdian kepada Allah SWT sebagai Tuhan Yang Maha Esa (Meerangani et al., 2021). Konsep tauhid ini bukan sahaja melibatkan aspek akidah, tetapi juga meliputi nilai-nilai sejagat seperti keadilan, amanah, dan tanggungjawab sosial.

Kesepadanan ini menunjukkan bahawa prinsip Kepercayaan kepada Tuhan boleh dihayati oleh semua rakyat tanpa mengira agama, kerana ia menegaskan nilai spiritual yang memberi makna kepada kehidupan manusia (Rohana et al., 2023). Misalnya, dalam tradisi Islam, nilai ketakwaan melahirkan rasa tanggungjawab untuk berlaku adil terhadap semua manusia, termasuk yang berlainan agama. Hal ini seiring dengan pandangan bahawa Islam bersifat *rahmatan li al-'alamin* (rahmat bagi seluruh alam).

Bagi masyarakat majmuk, prinsip ini dapat menjadi asas kepada keharmonian kerana ia menggalakkan penghormatan terhadap agama lain (Meerangani et al., 2021). Namun, cabaran timbul apabila prinsip ini disalah tafsir seolah-olah memberi keistimewaan eksklusif kepada satu agama sahaja. Oleh itu, integrasi nilai tauhid dengan prinsip Rukun Negara perlu dijelaskan dalam kerangka inklusif, iaitu Islam sebagai sumber nilai sejagat yang dapat dikongsi bersama.

4.2 Kesetiaan kepada Raja dan Negara serta Konsep Ulil Amri

Prinsip kedua Rukun Negara menekankan kesetiaan kepada Raja dan Negara. Menerusi sistem Raja Berperlembagaan, Raja berperanan sebagai simbol perpaduan dan payung kedaulatan negara. Konsep ini selari dengan prinsip Islam yang menekankan kepatuhan kepada *ulil amri* (pemimpin) selagi mana mereka menegakkan keadilan dan tidak melanggar syariat (An-Nisaa', 4:59).

Kesetiaan kepada Raja dalam konteks Malaysia mempunyai nilai simbolik yang penting kerana Raja dianggap sebagai lambang penyatuan kaum dan identiti kebangsaan (Hamid et al., 2021). Institusi Beraja berperanan sebagai pengimbang antara kepelbagaian kaum khususnya selepas merdeka. Menurut perspektif Islam, ketaatan kepada pemimpin yang sah merupakan kewajipan agama kerana ia menjamin kestabilan dan mengelakkan huru-hara (Rohana et al., 2023).

Namun, dalam realiti semasa, prinsip ini berdepan cabaran apabila wujud kecenderungan sesetengah pihak untuk memperalatkan institusi Raja bagi kepentingan politik. Manipulasi seperti ini boleh menjejaskan imej institusi tersebut sebagai simbol perpaduan (Meerangani et al., 2021; Mohamad et al., 2021). Justeru, integrasi nilai Islam dengan prinsip ini menuntut agar kesetiaan kepada Raja difahami dalam kerangka keadilan, kebertanggungjawaban, dan kepemimpinan beretika, bukannya sekadar ketaatan membuta tuli.

4.3 Keluhuran Perlembagaan dan Prinsip Maqasid Syariah

Prinsip ketiga Rukun Negara ialah Keluhuran Perlembagaan. Dalam konteks Malaysia, Perlembagaan Persekutuan dianggap sebagai undang-undang tertinggi negara (Hamid et al., 2021). Kedudukan ini selari dengan prinsip Islam yang menekankan pentingnya hukum sebagai asas keadilan dan tadbir urus masyarakat.

Islam menegaskan bahawa tujuan utama syariah ialah untuk menjaga lima perkara asas iaitu agama (*hifz al-din*), nyawa (*hifz al-nafs*), akal (*hifz al-'aql*), keturunan (*hifz al-nasl*), dan harta (*hifz al-mal*). Prinsip maqasid syariah ini memberikan kerangka normatif yang sejajar dengan semangat Perlembagaan untuk melindungi hak dan kepentingan semua rakyat (Aziz, 2016). Sebagai contoh, Perlembagaan menjamin kebebasan asasi (merangkumi Perkara 5 hingga Perkara 13) seperti kebebasan beragama (Perkara 11) dan kesamarataan (Perkara 8), dan kedudukan istimewa kaum Melayu serta kepentingan sah kaum-kaum lain (Perkara 153) (Malaysia, 2020; Abdul Aziz, 2026). Semua ini seiring dengan prinsip keadilan sosial dalam Islam yang menekankan keseimbangan antara hak individu dan kepentingan masyarakat.

Namun, cabaran timbul apabila wujud percanggahan tafsiran tentang kedudukan Islam sebagai agama Persekutuan. Sesetengah pihak menekankan sifat eksklusif, manakala yang lain menegaskan sifat inklusif. Oleh itu, integrasi nilai Islam dengan prinsip Keluhuran Perlembagaan memerlukan tafsiran yang menekankan *maqasid syariah* sebagai asas keadilan yang bersifat sejagat (Aziz, 2016).

4.4 Kedaulatan Undang-undang dan Konsep Keadilan

Prinsip keempat Rukun Negara menegaskan kedaulatan undang-undang sebagai asas keadilan dan keamanan negara. Prinsip ini sangat selari dengan konsep keadilan (*'adl*) dalam Islam yang menekankan keperluan mematuhi undang-undang untuk menjaga ketenteraman Masyarakat (Meerangani et al., 2021).

Al-Quran berulang kali menekankan kepentingan berlaku adil tanpa mengira kaum atau agama (Al-Maaidah, 5:8). Malah, Rasulullah SAW pernah menegaskan bahawa sekiranya anak baginda sendiri mencuri, maka baginda akan menjatuhkan hukuman sebagaimana ditetapkan undang-undang. Hal ini menunjukkan bahawa prinsip keadilan dalam Islam bersifat universal dan tidak boleh dikompromi.

Dalam konteks Malaysia, kedaulatan undang-undang berfungsi untuk mengelakkan sebarang bentuk diskriminasi dan penyalahgunaan kuasa. Namun, realiti semasa memperlihatkan cabaran seperti salah guna kuasa politik, amalan rasuah, dan ketidakadilan dalam penguatkuasaan undang-undang. Keadaan ini boleh melemahkan keyakinan rakyat terhadap sistem perundangan (Aziz, 2016; Rohana et al., 2023).

Integrasi nilai Islam dalam prinsip ini bermaksud memastikan undang-undang ditegakkan dengan penuh integriti dan tanpa pilih kasih. Konsep hisbah merupakan satu konsep penting dalam sistem pentadbiran Islam dan dijadikan asas kepada kerajaan bagi mengawasi dan memantau setiap tindakan rakyat berteraskan kepada amar makruf nahi mungkar. Amalan hisbah ini jelas dapat memastikan pemimpin bertanggungjawab terhadap pelaksanaan undang-undang dan menjaga kebajikan rakyat (Ibrahim, 2015).

4.5 Kesopanan dan Kesusilaan serta Akhlak Islam

Prinsip kelima Rukun Negara menekankan kesopanan dan kesusilaan sebagai asas interaksi sosial. Prinsip ini menuntut rakyat Malaysia agar mengamalkan sikap hormat-menghormati, menjaga tutur kata, dan mengelakkan perbuatan yang boleh menyinggung pihak lain (Said & Mohamad, 2022).

Dalam Islam, akhlak mulia merupakan asas penting dalam hubungan manusia. Rasulullah SAW bersabda bahawa misi kerasulan ialah untuk menyempurnakan akhlak manusia. Nilai seperti sabar,

rendah hati, kasih sayang, dan tolong-menolong bukan sahaja digalakkan dalam Islam, tetapi juga boleh dikongsi bersama semua agama (Said & Mohamad, 2022; Aziz, 2016; Mohamad & Mohamad, 2025).

Berdasarkan masyarakat majmuk Malaysia, prinsip ini sangat relevan kerana interaksi harian melibatkan pelbagai kaum dan agama. Kesopanan dan kesusilaan mampu menjadi jambatan yang mengurangkan salah faham dan prejudis. Namun, cabaran semasa seperti budaya media sosial yang kasar, ujaran kebencian, dan sikap intoleransi sering melemahkan penghayatan prinsip ini (Abd Bakar et al., 2025; Meerangani et al., 2021).

Integrasi nilai akhlak Islam dengan prinsip ini bermakna mengembalikan semangat budi bahasa sebagai identiti nasional. Pendidikan moral dan agama di sekolah perlu diperkukuh dengan penekanan kepada nilai hormat, kasih sayang, dan tanggungjawab sosial sebagai asas perpaduan.

5 CABARAN PENGHAYATAN NILAI ISLAM DALAM RUKUN NEGARA

Walaupun terdapat kesepadanan yang jelas antara nilai Islam dengan prinsip Rukun Negara, penghayatannya dalam masyarakat majmuk Malaysia tetap berdepan pelbagai cabaran antaranya:

Pertama, cabaran utama ialah salah tafsir terhadap kedudukan Islam dalam Perlembagaan. Perkara 3(1) menyatakan bahawa Islam ialah agama Persekutuan, namun tafsirannya sering menjadi polemik (Abdul Aziz, 2005). Ada pihak melihatnya secara eksklusif hingga menimbulkan kebimbangan dalam kalangan penganut agama lain (Meerangani et al., 2021). Keadaan ini menimbulkan persepsi bahawa Islam mendominasi, sedangkan Perlembagaan turut menjamin kebebasan beragama. Salah tafsir ini berpotensi melemahkan semangat kesepaduan nilai yang ingin diwujudkan melalui Rukun Negara (Ismail et al., 2016).

Kedua, cabaran pengaruh politik identiti. Sentimen perkauman dan agama sering digunakan untuk meraih sokongan politik. Menurut Shamsul Amri (2010), politik identiti yang berasaskan kaum dan agama sering mencabar usaha membina nilai bersama. Akibatnya, prinsip Rukun Negara tidak lagi difahami dalam kerangka kebangsaan, tetapi ditafsir mengikut kepentingan politik sempit.

Ketiga, wujud cabaran dalam bentuk kelemahan pendidikan nilai. Sistem pendidikan masih menekankan pencapaian akademik berbanding pembentukan sahsiah dan integrasi nilai bersama. Kajian Mohamad et al. (2021) menunjukkan bahawa generasi muda mempunyai pengetahuan yang terhad mengenai Rukun Negara, malah nilai Islam juga tidak selalu difahami secara kontekstual dalam masyarakat majmuk.

Keempat, cabaran media sosial. Ujaran kebencian, berita palsu, dan budaya komunikasi kasar sering melemahkan semangat kesopanan dan kesusilaan. Menurut Abd Bakar et al. (2025), media sosial kini menjadi medium utama penyebaran prejudis kaum dan agama yang boleh menggugat integrasi nilai Islam dan Rukun Negara.

Kelima, terdapat jurang amalan antara ideal dan realiti. Walaupun kedua-dua kerangka nilai ini menekankan keadilan, integriti, dan kesopanan, realiti menunjukkan masih berlaku penyalahgunaan kuasa, rasuah, serta diskriminasi dalam penguatkuasaan undang-undang (Rohana et al., 2023; Ibrahim, 2015). Jurang ini menjejaskan kepercayaan rakyat terhadap usaha integrasi nilai yang sepatutnya menjadi asas perpaduan.

5.1 Cadangan Memperkukuh Penghayatan Nilai Islam dalam Rukun Negara

Bagi mengatasi cabaran tersebut, beberapa cadangan strategik boleh dipertimbangkan, iaitu:

Pertama, perlu dilakukan penegasan tafsiran inklusif terhadap kedudukan Islam dalam Perlembagaan. Konsep Islam sebagai *rahmatan li al-'alamin* perlu dijadikan asas kefahaman bahawa nilai Islam bersifat sejagat dan mampu dikongsi oleh semua rakyat. Dengan itu, prinsip Kepercayaan kepada Tuhan boleh terus berperanan sebagai nilai penyatuan, bukannya faktor perpecahan.

Kedua, memperkukuh pendidikan nilai dalam kurikulum sekolah dan institusi pengajian tinggi. Pendidikan agama dan moral perlu menekankan persamaan nilai sejagat antara Islam, Rukun Negara, dan agama lain. Inisiatif seperti program *living values education* boleh dilaksanakan bagi membina nilai kebersamaan dalam kalangan generasi muda.

Ketiga, penggunaan media secara bijak perlu diperkukuh. Pihak kerajaan dan rakyat harus bekerjasama melaksanakan kempen kesedaran digital yang menekankan etika komunikasi, penolakan ujaran kebencian, serta pemupukan budaya kesopanan di alam maya.

Keempat, pengukuhan integriti dan tadbir urus. Nilai keadilan dan kedaulatan undang-undang hanya boleh dihayati apabila sistem perundangan bebas daripada pengaruh politik dan rasuah. Oleh itu, reformasi institusi perlu diteruskan bagi memastikan undang-undang ditegakkan secara adil tanpa pilih kasih.

Kelima, peranan institusi Raja dan agama wajar diperkukuh sebagai simbol perpaduan. Institusi Beraja yang bersifat supra-politik harus diperkasakan dalam fungsi menyatukan rakyat tanpa mengira kaum. Dalam masa sama, badan agama boleh menjadi medium dialog antara agama untuk memupuk persefahaman bersama.

Keenam, usaha integrasi nilai perlu disokong dengan pendekatan masyarakat madani. NGO, badan dakwah, persatuan kaum, dan media harus berganding bahu membina budaya hormat, kasih sayang, dan tanggungjawab sosial.

6 KESIMPULAN

Kajian ini menegaskan bahawa integrasi nilai Islam dalam Rukun Negara mempunyai potensi besar dalam memperkukuh perpaduan kaum di Malaysia. Hal ini kerana kedua-dua kerangka nilai tersebut berasaskan prinsip universal seperti keadilan, kesopanan, integriti, dan tanggungjawab sosial yang boleh dikongsi oleh semua rakyat tanpa mengira latar agama atau etnik. Rukun Negara sebagai ideologi nasional menyediakan asas normatif untuk membina masyarakat yang bersatu, sementara nilai Islam khususnya dalam bentuk konsep *rahmatan li al-'alamin* memberi dimensi spiritual dan moral yang melengkapi kerangka tersebut.

Dapatan kajian juga menunjukkan kesepadanan yang jelas antara lima prinsip Rukun Negara dengan nilai Islam. Prinsip Kepercayaan kepada Tuhan sejajar dengan konsep tauhid; Kesetiaan kepada Raja dan Negara menekankan kepatuhan terhadap kepimpinan yang adil; Keluhuran Perlembagaan dan Kedaulatan Undang-undang selaras dengan prinsip keadilan syariah; manakala Kesopanan dan Kesusilaan seiring dengan tuntutan akhlak Islam. Kesepadanan ini memberikan asas normatif yang kukuh bagi perpaduan kaum, dengan syarat ia difahami secara inklusif dan diamalkan secara konsisten.

Namun demikian, kajian turut mendapati wujud pelbagai cabaran penghayatannya, antaranya salah tafsir terhadap kedudukan Islam, pengaruh politik identiti, kelemahan pendidikan nilai, dan kesan negatif media sosial. Cabaran-cabaran ini boleh melemahkan penghayatan Rukun Negara serta menjejaskan usaha membina nilai bersama. Oleh itu, strategi pengukuhan perlu melibatkan pendekatan

bersepadu, termasuk reformasi pendidikan nilai, penegasan tafsiran inklusif terhadap Islam, pemerkasaan integriti institusi, serta pemupukan etika komunikasi di ruang maya.

Secara keseluruhannya, penghayatan integrasi nilai Islam dalam Rukun Negara bukan sekadar suatu kerangka konseptual, tetapi juga instrumen praktikal yang boleh memandu masyarakat majmuk Malaysia menuju perpaduan sejati. Usaha ini menuntut komitmen semua pihak iaitu kerajaan, institusi pendidikan, media, NGO, dan rakyat untuk menjadikan nilai-nilai sejagat Islam dan Rukun Negara sebagai budaya hidup bersama. Hanya melalui penghayatan yang ikhlas dan konsisten, Malaysia mampu mengekalkan keharmonian sosial, memelihara kestabilan politik, dan terus berkembang sebagai negara bangsa yang bersatu padu serta berdaya saing di peringkat global.

PENGHARGAAN

Tiada penghargaan khusus ingin direkodkan untuk mana-mana pihak.

PEMBIAYAAN

Penulisan ini tidak dibiayai oleh mana-mana agensi dan dana penyelidikan.

SUMBANGAN PENULIS

Setiap penulis menyumbang secara sama-rata kepada penghasilan artikel ini.

KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis mengisytiharkan tiada potensi konflik kepentingan berhubung dengan pelaksanaan penyelidikan, penulisan, atau penerbitan bagi artikel ini.

RUJUKAN

Abd Bakar, S. N., Abdul Halim, A. H., Ismail, N., Mohd Sharif, S., Ismail, N., & Rameli, M. F. P. (2025). Media sosial dan isu 3R: Platform perbincangan atau pemangkin ketegangan? *Journal of Islamic Philanthropy and Social Finance (JIPSF)*, *7*(1), 112-124. https://doi.org/10.24191/JIPSF/v7n12025_112-124.

Abdul Aziz, B. (2005). *Islam dalam Perlembagaan Malaysia.* Intel Multimedia and Publication.

Abdul Aziz, B. (2026). *Perlembagaan Malaysia: Suatu pengenalan* (Edisi ketiga). Ilham Books.

Abdullah, M. R. T. (2010). Cabaran integrasi antara kaum di Malaysia: Perspektif sejarah, keluarga dan pendidikan. *Jurnal Hadhari, 3*, 61-84. https://www.ukm.my/jhadhari/makalah/v2n12010/makalah-v2n1-n4.pdf.

Al-Quran al-Karim.

Aziz, S. A. (2016). Maqasid al-Syariah dalam Perlembagaan Persekutuan: Suatu perbahasan awal. *Kanun: Jurnal Undang-undang Malaysia*, *28*(2), 278-312.

Bowen, G. A. (2009). Document analysis as a qualitative research method. *Qualitative research journal*, *9*(2), 27-40. https://doi.org/10.3316/QRJ0902027.

Braun, V., & Clarke, V. (2006). Using thematic analysis in psychology. *Qualitative research in psychology*, *3*(2), 77-101.

Creswell, J. W., & Poth, C. N. (2016). *Qualitative inquiry and research design: Choosing among five approaches*. Sage publications.

Hamid, N. A., Zawawi, H. Y., Disa, M. N., & Mohamad Tahir, A. Z. (2021). Rukun Negara as a preamble to Malaysian constitution. *Pertanika Journal of Social Sciences & Humanities*, *29*(S2), 29-42. https://doi.org/10.47836/pjssh.29.S2.03.

Ibrahim, A. (2015). Kepentingan hisbah dan amalannya di Malaysia. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, (11), 26-39.

Irawan, W. A., & Arif, M. (2024). Concept of religious moderation perspective of Prof. Dr. Azyumardi Azra. *Journal of Social Science and Economics*, *3*(1), 37-49. https://doi.org/10.37812/josse.v3i1.1280.

Ismail, H., Hassan, K., & Zakaria, M. N. (2016). Kesederhanaan ke arah perpaduan kaum di Malaysia. *Journal of Techno-Social*, *8*(2), 70-84. http://penerbit.uthm.edu.my/ojs/index.php/JTS/article/download/1524/1021.

Ismail, S. (2015). Pembangunan insan dalam falsafah pendidikan kebangsaan. *Journal of Human Capital Development (JHCD)*, *8*(2), 83-100. https://jhcd.utem.edu.my/jhcd/article/view/2087.

Malaysia. (2020). *Perlembagaan Persekutuan* (Cetakan semula). Pesuruhjaya Penyemak Undang-Undang Malaysia.

Meerangani, K. A., Razak, A. Q. A., & Noor, M. M. (2021). Peranan prinsip Rukun Negara dalam pembentukan bangsa Malaysia. Dalam M. Tumin, S. H. S. Ismail & M. C. Soh (Eds.) *Islam dan dinamika masyarakat sivil di Malaysia* (pp. 47-74). Penerbit Universiti Malaya.

Mohamad, A. N. A., & Mohamad, W. N. A. (2025). Kepelbagaian agama dan budaya di Malaysia: Antara cabaran dan kekuatan sosial dalam pembinaan bangsa. *The Sultan Alauddin Sulaiman Shah Journal (JSASS)*, *12*(2), 35-49. https://jsass.uis.edu.my/index.php/jsass/article/view/317.

Mohamad, A. N. A., Haniffa, M. A., & Shatir, M. A. A. A. (2021). Rukun Negara medium keharmonian di Malaysia: Tinjauan dalam kalangan para pelajar Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia. *The Sultan Alauddin Sulaiman Shah Journal (JSASS)*, *8*(2), 17-31. https://jsass.uis.edu.my/index.php/jsass/article/view/170.

Muslim, S., Zainal Abidin, N. A., Ma'dan, M., & Trisiana, A. (2023). Pengetahuan generasi muda terhadap gagasan Rukun Negara. *Applied History Journal of Merong Mahawangsa (AHJMM)*, *1*, 71-81. https://doi.org/10.32890/ahjmm2023.1.5.

Rohana, N. A. M., Razak, A. Q, A., Hashim, S. N. I., Dahalan, N. N. N., & Rameli, M. F. P. (2023). Penghayatan Islam ke arah memperkukuh prinsip Rukun Negara. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED), 8*(54), 358 – 375.

Said, M. H. M., & Mohamad, A. M. (2022). Kesedaran penghayatan Rukun Negara asas keutuhan keluarga Malaysia menurut perspektif Islam. *Proceedings of the International Seminar on Islamic Education & Peace, 2*. 126-132. https://ejournal.uniramalang.ac.id/isiep/article/view/2177.

Shamsul Amri, B. (2010). *Unity in diversity: The Malaysian experience*. Institut Kajian Etnik (KITA).

Tisdell, E. J., Merriam, S. B., & Stuckey-Peyrot, H. L. (2025). *Qualitative research: A guide to design and implementation*. John Wiley & Sons.